

# PM: Tarik rayuan kalimah Allah elak percanggahan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com'.my

**PETALING JAYA:** Tindakan kerajaan menarik balik rayuan keputusan Mahkamah Tinggi berhubung penggunaan kalimah Allah bertujuan untuk mengelak percanggahan dengan ketetapan Majlis Raja-Raja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pihaknya merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka telah beri pandangan supaya semua keputusan harus terikat dengan keputusan Majlis Raja-Raja iaitu kalimah Allah tidak boleh digunakan di Semenanjung Malaysia dan kelonggaran untuk Sabah serta Sarawak.

Beliau menambah, penarikan rayuan itu memberi ruang kepada kerajaan menambah baik ketetapan kalimah itu selaras pandangan dan nasihat Peguam Negara.

Sehubungan itu, kata Anwar, kerajaan putuskan akan mengemas kini peraturan penggunaan kalimah itu dan kertas kerja cadangan akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja pada Julai ini.

"Justeru, keputusan dibuat atas pandangan untuk peremas. (Kalau) kita buat (teruskan rayuan), kes bangkit lagi.



**ANWAR Ibrahim dalam sesi soal jawab pada Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA**

Kita tamatkan dengan pinda supaya tiada kes. Ini jelas satu kekuatan, apa (yang) lemahnya," katanya dalam sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Terdahulu, Datuk Seri Taqiyuddin Hassan (Pas-Kota Bharu) dalam soalan tambahan meminta rasional kerajaan menarik rayuan keputusan Mahkamah Tinggi kerana berpandangan tiada salah diteruskan.

Sebelum itu, Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai) meminta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak kerajaan mendapatkan perkenan Majlis Raja-

Raja Melayu dan berunding dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri terlebih dahulu sebelum kerajaan secara diam-diam menarik balik rayuan dalam kes kalimah Allah yang begitu besar implikasinya terhadap kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Minggu lalu, Anwar berkata, Kabinet mendapat perkenan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah untuk mempersembahkan cadangan bagi menguatkuasakan dasar berhubung kalimah Allah kepada Majlis Raja-Raja.

Perdana Menteri dalam ke-

nyataan berkata, ia bagi menyelesaikan isu kalimah Allah secara menyeluruh dan bersepadu.

Ini berikutan keputusan Peguam Negara menarik balik rayuan terhadap kes seorang wanita beragama Kristian, Jill Ireland Lawrence Bill berhubung bahan penerbitan yang mengandungi kalimah Allah.

Sementara itu, Anwar memberitahu, kerajaan perlu mencari jalan tidak meneruskan monopoli kerana menyifatkan amalan itu tidak menguntungkan rakyat.

Katanya, persaingan perlu digalakkan kerana mampu menjamin keselesaan kepada rakyat secara umumnya di samping membantu ke arah pelaksanaan kos yang lebih rendah

"Saya setuju pada prinsipnya, amalan monopoli tidak boleh diteruskan. Sebab itu, kita cari jalan (tidak terus monopoli). Air, umpamanya tiada monopoli kerana di bawah negeri; tenaga dengan IPP (pengeluar tenaga bebas) dan dengan pengurusan sekarang pun, nampaknya mula dipecahkan.

"Begitu juga dengan lebuhraya, tidak semua yang dibuat kerajaan dahulu kepada PLUS (PLUS Malaysia Berhad), jadi ada persaingan," katanya.